

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

04.11.2016

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Beberapa perubahan perundangan dalam Akta Syarikat yang sudah lama ditunggu-tunggu akan memudahkan proses menjalankan perniagaan, menetapkan penanda aras akauntabiliti dan tanggungjawab yang lebih tinggi bagi para pengarah dan pada masa yang sama, meletakkan Malaysia pada kedudukan yang setara dengan piawaian antarabangsa. Semua ini diharapkan dapat menambahbaik tadbir urus korporat pada masa akan datang.

Bagaimanapun, secara keseluruhannya Akta Syarikat 2016 yang baru masih mengekalkan landskap pelaporan kewangan yang sama dan tidak akan membebankan syarikat.

Undang-undang baru ini menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti dan pada masa yang sama memudahkan proses penubuhan dan pengurusan syarikat. Situasi ini sepatutnya menghasilkan lebih banyak pelaburan dan keusahawanan dalam negara.

Langkah relevan dan pantas yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam mengeluarkan garis panduan baru untuk meningkatkan daya tahan siber dalam pasaran modal juga perlu dipuji memandangkan sebahagian besar urus niaga dan pengumpulan maklumat kini dilakukan secara atas talian.

Garis Panduan Pengurusan Risiko Siber ini bukan sahaja memerlukan sesebuah syarikat membangunkan daya tahan siber tetapi juga mengenal pasti seseorang yang bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko siber yang efektif.

Rita

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

MULTI-USAGE HOLDING BERHAD (“MUH”)

MUH telah mengeluarkan Laporan Tahunan syarikat 2016 pada 31 Oktober 2016. Dalam Laporan Tahunan 2016, Tetuan Deloitte, Juruaudit Luar syarikat, telah memberikan pendapat bersyarat dalam laporan mereka berkenaan Nota 35 (b) kepada penyata kewangan Syarikat. Juruaudit tidak berjaya mendapatkan bukti audit yang mencukupi untuk menentukan jenis dan had hubungan yang mungkin wujud antara syarikat dan syarikat bertujuan khas (SPV) berkaitan urusniaga dan penyusunan semula hutang.

[Sumber: Pengumuman MUH di laman web Bursa Malaysia pada 31 Oktober 2016]

KOMEN MSWG:

Seperti yang dinyatakan dalam laporan Juruaudit Luar, sebahagian pendapat mereka timbul daripada pengauditan khas yang dijalankan oleh sebuah firma perkhidmatan profesional berikutan aduan yang difailkan terhadap sesetengah pengarah syarikat dan kumpulan. Namun begitu, pengauditan khas ini yang dikeluarkan pada 25 Februari 2016, tidak pernah dimaklumkan kepada para pemegang saham.

Walaupun pemegang saham MUH amat bimbang dengan isu yang diketengahkan dalam pengauditan khas ini dan ingin mendapatkan penjelasan segera daripada Lembaga, tiada notis Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") dikeluarkan walaupun permohonan lanjutan masa untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat bagi tahun 2016 kepada 31 Disember 2016 tidak diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Berikutan perbalahan yang berterusan antara pemegang saham dan ahli Lembaga Pengarah serta isu yang diketengahkan dalam pengauditan khas, MSWG akan terus memantau situasi ini dengan teliti.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.